

Headline	Bunga Tekoma hiasi bandaraya Kuala Lumpur		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	05 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	1,3	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	457 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,663
Frequency	Weekly	PR Value	MYR 7,990



## Bunga Tekoma hiasi bandaraya Kuala Lumpur

BARU-BARU ini tular di media sosial tentang landskap bunga berwarna-warni yang menghiasi bahu jalan raya sekitar ibu negara.

Ia bukan hanya menjadikan kawasan persekitaran berwarna-warni tetapi berupaya menarik pelancong dari dalam dan luar

negara.

Malah, sejak ditularkan, orang awam tidak ketinggalan merakam gambar bersama bunga-bunga tersebut selain menggelarnya sebagai 'sakura Malaysia'.

Mendapati sambutan yang menggalakkan daripada semua

pihak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang untuk menanam lebih banyak pokok berbunga seperti Tekoma sekali gus mempromosikannya bagi tujuan pelancongan.

**BERITA LANJUT DI MUKA 3**



Headline	Bunga Tekoma hiasi bandaraya Kuala Lumpur		
MediaTitle	Wilayahku		
Date	05 Apr 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	50,000
Page No	1,3	Readership	100,000
Language	Malay	ArticleSize	457 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	MYR 2,663
Frequency	Weekly	PR Value	MYR 7,990

# DBKL rancang tanam lebih banyak pokok berbunga, warnai Kuala Lumpur

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merancang untuk menanam lebih banyak pokok berbunga seperti Tekoma untuk mengindahkannya kawasan ibu kota sekali gus mempromosikannya bagi tujuan pelancongan.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk**



**MAHADI**

**Seri Mahadi Che Ngah** bagaimanapun berkata, sebelum merealisasikan hasrat itu pihaknya akan memberi tumpuan untuk m e n a m b a h baik aspek penanaman dan

penyelenggaraan bagi memastikan kitaran pendebungaan teratur.

“Sekarang, kita telah menanam pelbagai pokok teduhan di sekitar ibu kota, bukan sahaja Tekoma tetapi juga pokok berbunga lain seperti Mempat, Bungor, Cassia Fistula, Jakaranda dan lain-lain.

“Semua pokok berbunga ini mampu mengindahkannya kawasan di tepian jalan, taman-taman awam dan kawasan lapang,” katanya.

Pada masa ini di ibu negara, masyarakat bagaikan menikmati musim bunga apabila pokok Tekoma mula mekar dengan mengeluarkan bunga berwarna merah jambu dan putih sejak minggu lepas.

Suara itu disamakan seperti musim bunga sakura di Jepun dan Korea Selatan sekali gus menjadi daya tarikan kepada masyarakat serta mendapat perhatian banyak pihak termasuk liputan media.

Mahadi berkata, sehingga kini terdapat 10,030 pokok Tekoma ditanam di seluruh Kuala Lumpur dengan



**BUNGA mekar yang berwarna-warni bukan sahaja menarik perhatian umum menjadikan landskap Kuala Lumpur cantik dan menarik. Foto Sivakumar**

1,173 daripadanya berada di kawasan pinggir jalan.

“Kebanyakan pokok Tekoma ditanam di kawasan jalan seperti Jalan Klang Lama, Jalan Kuching, Jalan Sri Permaisuri, Jalan Metroprima Kepong dan Lebuhraya Baru Pantai (NPE).

“Ia ditanam di kawasan berkenaan kerana lokasi merupakan jalan-jalan utama dan mempunyai ruang yang mencukupi untuk pertumbuhan pokok yang sihat selain mengindahkannya jalan tersebut apabila tiba musim bunga,” katanya.

Mahadi berkata, DBKL juga

akan bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) atau Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk mencadangkan kajian berkaitan memanjangkan tempoh pendebungaan.

Sementara itu, fenomena musim ‘sakura’ yang berlaku di ibu kota juga mendapat perhatian Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Annuar Musa yang mencadangkan agar lebih banyak pokok berbunga ditanam di sekitar ibu kota, menerusi Twitter rasminya. **W.K**